

BAB III

PERANAN PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA DI BIDANG HAK ASASI MANUSIA

Prinsip keadilan sosial di atas mana Pertubuhan Buruh Antarabangsa ditubuhkan memerlukan kepatuhan kepada beberapa hak asasi seperti yang tercatat di dalam Artikel-artikel 2, 20, 22 - 25 Perisytiharan Sedunia Hak Asasi 1948.⁽¹⁾ Artikel 2, 20 dan 23 akan dibincangkan di dalam bab ini sementara hak-hak asasi yang terkandung di dalam Artikel-artikel 22 - 25 akan dibincangkan di dalam Bab IV.

Artikel 2 Perisytiharan Sedunia Hak Asasi 1948 menyebut bahawa tiap-tiap orang adalah berhak untuk mendapat hak dan kebebasan seperti yang terkandung di dalam Perisytiharan tersebut tanpa mengira bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, ugama, tempat tinggal, fahaman politik dan lain-lain status. Dari sini jelas bahawa prinsip-keadilan asasi manusia hanya boleh dicapai jika prinsip seperti yang terkandung di dalam Artikel 2 itu dipatuhi oleh semua negara-negara di dunia ini.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) memainkan peranan yang penting di dalam menjamin kepatuhan kepada prinsip hak asasi seperti yang di atas. Bahagian 1

(1) Lihat Appendix

Laporan Pengurus Agung kepada Persidangan Buruh Antarabangsa tahun 1968 dan kepada Persidangan Antarabangsa mengenai hak asasi manusia 1968 telah membincangkan masaalah hak asasi tersebut.⁽²⁾ Isi laporan Pengurus Agung itu menyokong semua usaha-usaha antarabangsa yang diambil pada tahun 1968 iaitu "Tahun Hak Asasi Manusia" dan tahun-tahun berikutnya demi untuk mencapai matlamat Perisytiharan Hak Asasi Manusia 1948.⁽³⁾

Seramai 237 peserta telah mengambil bahagian di dalam perbincangan itu. Perbincangan tersebut telah menumpukan perhatiannya terhadap apakah yang dilakukan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) untuk melindungi dan mengembangkan hak asasi manusia seperti yang terkandung di dalam "Perisytiharan Philadelphia" 1944. Para peserta telah membincangkan kerja-kerja yang telah dibuat oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) di bidang ini melalui aktiviti dan tindakannya di dalam memastikan penggunaan piawai (standard) yang telah dicapainya dan melalui rancangan bantuan tekniknya.⁽⁴⁾

Mereka telah mengesyurkan supaya Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) menguatkan usahanya dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ini bukan sahaja untuk memastikan supaya piawai hak asasi sedunia itu dapat

(2) Lihat: Laporan Pengurus Agung PBA Kepada PBB - Geneva - 1969

(3) Ibid

(4) Opcit

diterima tetapi juga untuk mengujudkan keadaan di mana hak asasi tersebut dapat dinikmati secara luas dan menyeluruh.⁽⁵⁾

Bab ini akan membincangkan kerja-kerja Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) untuk menjamin kebebasan Persatuan, Penghapusan Penggunaan Buruh Paksa dan Penghapusan Diskriminasi di dalam Sesuatu Pekerjaan.

Aktiviti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) di bidang hak asasi adalah penting sebab hak asasi adalah salah satu dari matlamat yang terkandung di dalam perlembagaan pertubuhan itu.⁽⁶⁾ Oleh sebab itu di dalam melaksanakan tugas ini Pertubuhan Buruh Antarabangsa sentiasa bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terutama sejak tahun 1958⁽⁷⁾ iaitu 10 tahun selepas Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sedunia 1948. Ini terbukti awal-awal lagi pada tahun 1947 apabila Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menyuruh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) supaya campur tangan di dalam hal Kesatuan Sekerja dan penggunaan buruh paksa.

(5) Opcit

(6) Lihat preamble Perlembagaan PBA

(7) Lihat: Activities of the ILO (1958 - 1959) Geneva: Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa 1959 - m.s. 60

Kebebasan Persatuan

Perisytiharan Hak Asasi Manusia 1948 telah memberi hak kepada setiap orang untuk menubuh persatuan⁽⁸⁾ dan setiap orang juga berhak untuk memasuki mana-mana persatuan.⁽⁹⁾

Di dalam bidang ini Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah bekerjasama dengan eratnya dengan Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akibat satu perjanjian diantara Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1958. Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) sentiasa memberikan maklumat di antara satu dengan lain mengenai pemakaian piawai antarabangsa yang telah diberikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA).

Piawai Antarabangsa di atas telah diambil oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) di dalam dua Persidangan Khas. Persidangan-persidangan tersebut ialah "Persidangan Kebebasan dan Perlindungan Persatuan yang diadakan pada tahun 1948 dan Persidangan tentang Hak Menubuh Persatuan dan Hak terhadap Bertawar menawar tahun 1949. Sejak tercapainya piawai tersebut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah berusaha supaya ia dapat diterima dan dipakai secara keseluruhan oleh negara-negara anggota.

(8) Article 20 (1)

(9) Article 20 (2)

Di dalam Persidangan-persidangan 1948 dan 1949 itu telah dijamin hak-hak untuk menubuh persatuan, memasuki persatuan dan hak untuk bertawar-menawar antara pekerja dan majikan. Dua persidangan tersebut pada asasnya menguatkan lagi prinsip di dalam Artikel 20 Perisytiharan Hak Asasi Manusia 1948.

Badan Pemerintah pada tahun 1958 telah merayu kepada semua negara-negara anggota yang belum memakai piawai tersebut dan yang belum mengesahkan dua persidangan di atas supaya berbuat demikian. Ini dapat dilakukan oleh negara-negara anggota dengan meyerahkan resolusi di dalam dua persidangan tersebut kepada badan perundangan negara masing-masing. Jika badan perundangan mereka menerimanya - bermakna mereka telah terikat untuk memakai perjanjian-perjanjian tersebut.

Sambutan dari negara-negara anggota sungguh menggalakkan dan pada hari ini hampir 100 negara anggota telah mengesahkan Persidangan-persidangan di atas dan ini sudah cukup untuk memakai piawai antarabangsa di atas.⁽¹⁰⁾

Pada tahun 1951 satu Jawatankuasa Keatas Kebebasan Berpersatuan telah ditubuhkan oleh Badan Pemerintah - tujuannya ialah untuk memastikan pemakaian dua persidangan di atas. Pada tahun 1972 di dalam satu kes berhubung dengan penahanan seorang ketua kesatuan sekerja Argentina

(10) ILO: Panorama - Geneva - November 48 - 1971
(Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa)

yang bernama TOLOSA.⁽¹¹⁾ Jawatankuasa tersebut telah mengesyurkan Badan Pemerintah supaya menyuruh kerajaan Argentina mengurangkan hukuman penjara keatas TOLOSA dan mematuhi Persidangan Kebebasan Persatuan 1948 dan Persidangan Mengenai Hak menubuh Persatuan dan Bertawar Menawar 1949, kerana Argentina telah pun mengesahkan dua perjanjian tersebut. Pada bulan November tahun 1972 Argentina telah memberi tahu Pengurus Agung Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) bahawa hukuman penjara ke atas TOLOSA telah pun diringankan menjadi 5 tahun sahaja.

Pengawasan khas juga telah diberikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) terhadap kesan yang telah diberikan oleh negara-negara anggota berhubung dengan kebebasan berpersatuan ini.

Pada tahun 1957 Persidangan Buruh Antarabangsa telah menerima satu laporan mengenai hak asasi dari Majlis Pakar-Pakar keatas Persidangan Kebebasan Persatuan dan Perlindungan Terhadap Hak Menubuh Konvensyen 1948. Dengan kuasa yang diberikan oleh perlembagaan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA)⁽¹²⁾, Badan Pemerintah telah meminta supaya laporan sepenuhnya disiapkan berhubung dengan Persidangan-persidangan di atas. Laporan tersebut telah disemak oleh Jawatankuasa Pakar-pakar pada tahun 1959. Oleh sebab itu melalui laporan

(11) Lihat: Case Relating to Argentina Official Bulletin (Supplement) Vol LVI 1973

(12) Article 9

lapu an di atas Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) pada tahun 1959 telah menubuhkan misi-misi Peninjau, tugasnya ialah menumpukan perhatian khas terhadap penggunaan piawai antarabangsa yang telah dicapai mengenai kebebasan persatuan.

Sebelum itu pada tahun 1958 Badan Pemerintah telah menyedari tentang masaalah kurangnya pelaksanaan dan pemakaian piawai antarabangsa oleh negara-negara anggota. Oleh sebab itu pada tahun itu satu kajian menyeluruh terhadap keadaan di dalam negara anggota yang boleh mempengaruhi kebebasan persatuan telah dibuat. Salah satu kajian yang dibuat terkandung di dalam Lapuran Jawatankuasa McNair.⁽¹³⁾ Lapuran tersebut mengatakan sebab utama yang mempengaruhi kebebasan persatuan di dalam negara-negara anggota ialah adanya peruntukan undang-undang dalam negara itu sendiri yang berlawanan dengan piawai antarabangsa itu. Berpandukan kepada Lapuran itu Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah menyeru negara-negara anggota supaya mematohi dan menggunakan piawai antarabangsa mengenai Kebebasan Persatuan seperti yang tercapai di dalam Persidangan 1948 dan Persidangan 1949.

BURUH PAKSA (FORCED LABOUR)

Perisytiharan Hak Asasi Manusia tahun 1948 telah memberi jaminan kepada tiap-tiap orang bahawa mereka berhak untuk

(13) Jawatankuasa Mengenai Pertubuhan Pemerja dan Majikan (1959)

bekerja, perlindungan di masa kerja, memilih kerja yang sesuai dengan mereka dan hak untuk dapat perlindungan dari penganggoran. (14)

Kejadian buruh paksa dan kerja paksa berlaku dengan banyaknya akibat perang dunia pertama dan kedua. Penduduk-penduduk negeri yang kalah perang mengalami banyak kerja paksa ini. Oleh sebab itulah peruntukan seperti di dalam Artikel 23 Perisytiharan Hak Asasi Manusia 1948 diadakan. Ia bertujuan bagi menjamin hak asasi setiap orang untuk bekerja.

Pada tahun sebelum Perisytiharan Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah mengambil langkah untuk menghapuskan kerja paksa ini. Pada tahun 1930 satu konvensyen mengenai Penghapusan Jenis-Jenis Kerja Paksa di dalam Wilayah-wilayah jajahan telah diadakan. Konvensyen ini menyeru mana-mana negara anggota yang mengamalkan kerja paksa tidak kira samada ia akibat kalah peperangan atau tidak supaya menghapuskan amalan demikian.

Pada tahun 1957 satu lagi konvensyen mengenai Penghapusan Kerja Paksa telah diadakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA). (15) Konvensyen ini seperti juga Konvensyen tahun 1930 menyeru dengan lebih tegas lagi

(14) Artikel 23

(15) Lihat: Laporan Pengurus Agung PBA Kepada PBB - Geneva Pejabat Buruh Antarabangsa 1959 - 1960 m.s. 30

negara-negara anggota supaya menghapuskan semua jenis kerja paksa di semua bidang pekerjaan ekonomi, sosial dan pelajaran.⁽¹⁶⁾ Konvensyen itu juga menyeru semua negara-negara anggota supaya mematuhi dan mengikuti Perisytiharan Hak Asasi Sedunia tahun 1948.

Resolusi Konvensyen 1957 itu mula berkuatkuasa pada tahun 1959 dan semua tindakan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) adalah tertakluk kepada Resolusi Konvensyen tersebut. Sebagai tambahan, beberapa jentera penguatkuasa telah dibentuk. Di antaranya ialah Jawatankuasa "Ad Hoc" yang bertugas untuk memerhati dan menyemak maklumat mengenai buruh paksa di dalam negara-negara anggota. Kesimpulan yang dibuat oleh Jawatankuasa "Ad Hoc" akan diberikan kepada Pengurus Agung dan kemudian diserahkan kepada Badan Pemerintah dan seterusnya diberikan kepada Persidangan Buruh Antarabangsa. Jawatankuasa tersebut bersidang pada tiap-tiap tahun.

DISKRIMINASI DI DALAM PEKERJAAN

Walau pun tidak ada peruntukan khas mengenai larangan diskriminasi di dalam pekerjaan di dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia 1948 tetapi Artikel 23 secara tidak langsung menghalang diskriminasi tersebut.⁽¹⁷⁾

(16) Opcit., m.s. 31

(17) Lihat Artikel 23 (2)

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA), di dalam Persidangan Buruh Antarabangsa mengenai Penghapusan Diskriminasi di dalam Pekerjaan tahun 1958 telah menetapkan satu prinsip di dalam polisi pekerjaan. Prinsip tersebut ialah prinsip persamaan di dalam peluang-peluang pekerjaan. Ia bermakna peluang-peluang pekerjaan hendaklah diberikan kepada pekerja-pekerja dengan cara yang adil, iaitu mestilah tidak ada diskriminasi di dalam pemberian pekerjaan dan pembahagian pekerjaan semata-mata berdasarkan keturunan atau bangsa, warna kulit dan fahaman politik. Sesuatu pekerjaan hendaklah diberikan kepada seseorang jika ia berhak dan layak untuk membuatnya. (18)

Kerjasama yang erat juga telah diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di bidang ini. Suruhanjaya ke atas Pencegahan dan Diskriminasi serta Perlindungan ke atas Minoriti telah ditubuhkan pada akhir tahun 1957. Di dalam perjumpaan Suruhanjaya tersebut yang pertama pada bulan Januari tahun 1958 mereka telah memberi tafsiran diskriminasi. Menurut lapuran Suruhanjaya itu diskriminasi termasuk memberi keistimewaan atau keutamaan yang dibuat berdasarkan bangsa, warna kulit, ugama, jantina dan fahaman politik di dalam sesuatu pekerjaan. (19)

(18) Lihat: Activities of the ILO - Geneva : Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa Tahun 1960

(19) Opcit

Banyak negara-negara anggota telah mengesahkan (ratify) Persidangan mengenai Diskriminasi di dalam pekerjaan dan berjanji untuk mengamalkan polisi sama rata di dalam pekerjaan.⁽²⁰⁾ Untuk mencapai maksud tersebut, banyak negara anggota yang mengamalkan polisi bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan majikan dan pekerja, meluluskan undang-undang yang tertentu dan memansuhkan undang-undang yang bertentangan dengan prinsip samarata di dalam pekerjaan seperti yang ditetapkan di dalam persidangan 1958 itu.⁽²¹⁾

Suruhanjaya ke atas Pencegahan Diskriminasi dan Perlindungan ke atas Minoriti juga telah menetapkan beberapa perkara yang dianggap bukan diskriminasi. Di antaranya ialah perlindungan atau bantuan khas yang diberikan oleh sesebuah kerajaan kepada sesuatu kumpulan atau individu berdasarkan jantina, umur, ketidakupayaan, tanggungjawab keluarga, status sosial dan kebudayaan. Perkara-perkara ini tidak dianggap sebagai diskriminasi walau pun pertubuhan pertubuhan majikan dan pekerja tidak diminta pendapatnya lebih dahulu di dalam membuat penetapan tersebut.

(20) Ibid., m.s. 60

(21) Ibid., m.s. 62

Akhir sekali Suruhanjaya tersebut menggesa bukan sahaja kerajaan, bahkan agensi-agensi kerajaan, majikan dan pekerja supaya mengamalkan polisi "Tidak ada diskriminasi" selaras dengan prinsip antarabangsa yang telah dicapai di dalam persidangan 1958 itu.